

41  
NO. SOALAN: 413

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
NASARAH [ LENGGONG ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10695**

**SOALAN:**

**Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [ Lenggong ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah hasil  
perbincangan dan perincian bersama pihak berkuasa China dalam  
membawa masuk teknologi bagi memantapkan kawalan  
sempadan negara. Serta nyatakan perkembangan terkini  
mengenai pembinaan tembok kekal dan penaiktarafan tembok  
sedia ada di kawasan sempadan darat negara.**

42

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa melihat isu keselamatan sempadan serta kedaulatan negara sebagai elemen yang signifikan kepada kesejahteraan hidup rakyat dan pembangunan negara secara berterusan. Malaysia tidak terkecuali dalam menghadapi pelbagai bentuk ancaman dari anasir dalaman dan luar yang boleh menggugat keselamatan dan kedaulatan negara. Justeru itu, keselamatan sempadan diperketat dari semasa ke semasa supaya tidak mudah dibolosi oleh anasir-anasir luar yang boleh mengganggu gugat kestabilan negara.**

**Dalam memperkasakan lagi kawalan di sempadan selain penubuhan Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM), perancangan juga dibuat untuk menggunakan peralatan yang canggih dan moden untuk ditempatkan di sempadan negara. Kerajaan bercadang menggunakan teknologi daripada negara China yang dikenalpasti sebagai salah sebuah negara yang mempunyai tahap kawalan yang terbaik di dunia. Sehingga kini, kerajaan belum lagi memuktamadkan penggunaan peralatan atau teknologi dari negara berkenaan.**

**Dalam soal pembinaan tembok kekal dan penambakan tembok sedia ada, perlaksanaannya terpaksa ditangguh untuk sementara waktu sehingga masalah pengukuran dan menempatkan batu sempadan di beberapa kawasan yang menjadi pertikaian di antara kedua negara dimuktamadkan. Selain itu perundingan juga akan**

**diadakan dengan negara Thailand bagi membincangkan kos pembinaan pagar kekal berkenaan.**

**Dalam masa yang sama, Kementerian turut mengkaji sumber kewangan negara memandangkan kos menyediakan infrastruktur dan penggunaan teknologi serta pembinaan tembok kekal memerlukan perbelanjaan yang amat tinggi.**